

Headline	Bantu, jangan menghukum		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	23 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	37	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	631 cm <sup>2</sup>
Journalist	RABIATUL ADAWIYAH KOH ABDULLAH	AdValue	RM 14,091
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,273



# Bantu, jangan menghukum

Oleh RABIATUL ADAWIYAH KOH ABDULLAH

adawiyah80@gmail.com

**“K**AMI, komuniti pengguna dadah (orang yang masih aktif menggunakan dadah dan juga bekas pengguna dadah) di Malaysia, ingin mengalihkan pandangan dan keprihatinan pihak berkepentingan dan juga masyarakat umum terhadap isu-isu yang dihadapi komuniti kami akibat stigma dan diskriminasi.”

Begitulah luahan komuniti pengguna dadah ketika pelancaran kempen “Bantu. Jangan Menghukum” anjuran Majlis AIDS Malaysia dengan sokongan Persatuan Kebajikan Komuniti Ikhlas Malaysia yang diadakan pada 21 Jun lalu di Jalan Esfahan, Kuala Lumpur.

Antara luahan komuniti ini ialah penggunaan dan penagihan dadah ialah isu kesihatan, bukan jenayah. Kata mereka lagi, pengguna dadah memerlukan khidmat sokongan, bimbingan dan kesihatan seperti pengurangan mudarat (pertukaran jarum, rawatan metadon dan khidmat rujukan kesihatan komprehensif) yang menghormati hak dan maruah mereka.

“Seperti rakyat Malaysia yang lain, kami berhak menjalani kehidupan yang sihat dan bermaruah.

“Jika diberikan akses kepada rawatan dan pemulihan secara sukarela, kami juga berpeluang untuk menikmati masa hadapan cerah dan berbakti kepada masyarakat, seperti orang lain,” inilah rintihan mereka.

Komuniti pengguna dadah juga sebahagian daripada anggota masyarakat yang mempunyai tugas dan tanggungjawab sebagai ketua keluarga, ibu bapa, anak dan

warganegara. Justeru, kesihatan pengguna dadah merupakan aspek utama yang perlu dititikberatkan.

Komuniti pengguna dadah terdedah kepada risiko yang tinggi terhadap pelbagai jenis penyakit berjangkit.

Kadar jangkitan HIV dalam kalangan pengguna dadah suntikan ialah 16.3 peratus, 36 kali lebih tinggi berbanding rakyat Malaysia yang lain. Manakala kadar jangkitan hepatitis C pula setinggi 65.4 peratus.

Situasi ini bertambah buruk apabila golongan ini ditangkap dan dipenjarakan. Dalam penjara, mereka pula terdedah kepada risiko jangkitan tibi, yang menurut satu kajian di dua buah penjara di Malaysia, setinggi 85 peratus dalam kalangan banduan.

## Komitmen

Komuniti ini melihat dengan mata mereka sendiri kematian rakan-rakan mereka akibat tiada pembelaan dan akses kepada rawatan yang sewajarnya.

Ralat memikirkan betapa mudahnya penyakit-penyakit seperti HIV dan hepatitis C dapat dicegah jika diberikan jarum dan alat suntikan yang bersih seperti yang disediakan melalui program pertukaran jarum.

Malah, program ini telah terbukti berkesan dalam mengelakkan lebih 12,000 jangkitan HIV baharu dalam kalangan pengguna dadah.

Di bawah inisiatif dan komitmen Kementerian Kesihatan Malaysia, rawatan HIV dan metadon pula disediakan secara percuma.

Namun disebabkan prasangka negatif, prejudis, stigma dan diskriminasi, komuniti ini disisihkan dan diaibkan sehingga mereka takut untuk tampil mendapatkan rawatan.

“Sistem keadilan yang tidak menitikberatkan aspek rawatan, kesihatan dan kebajikan pengguna dadah mengundang lebih banyak kesan negatif dari sudut sosial bukan sahaja kepada individu malahan kepada keluarga.

Penangkapan dan pemenjaraan meninggalkan impak trauma yang mendalam selain memecah-

belah kerukunan serta struktur keluarga.

“Kurangnya penerapan unsur-unsur pendidikan, bimbingan serta sokongan moral sewaktu dalam tahanan melemahkan semangat dan juga keupayaan kami untuk menangani tekanan emosi.

Peluang untuk membina kehidupan yang baharu juga musnah apabila kami dilemparkan dengan rekod jenayah yang menghalang kami daripada mendapatkan pekerjaan.

Maka di sini bermulalah kitaran kejam penggunaan dadah - penangkapan - pemenjaraan - pembebasan - penggunaan dadah semula (*relapse*) - penangkapan semula yang tiada kesudahan,” ujar salah seorang wakil komuniti tersebut yang enggan dikenali.

Hakikatnya, bukan hak atau layanan istimewa yang dipinta. Sempena hari tindakan global kempen “Bantu Jangan Menghukum”, komuniti ini berharap agar diberikan peluang yang saksama seperti rakyat Malaysia yang lain dalam mendapatkan khidmat rawatan, sokongan, dan kebajikan.

Justeru, komuniti ini berpendapat kerjasama antara agensi-agensi kerajaan, NGO dan pihak-pihak berkepentingan lain menjadi salah satu faktor kejayaan dalam mencapai kesepakatan ke arah pembentukan komuniti pengguna dadah yang sihat dan produktif.

Headline	Bantu, jangan menghukum		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	23 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	37	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	631 cm <sup>2</sup>
Journalist	RABIATUL ADAWIYAH KOH ABDULLAH	AdValue	RM 14,091
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,273

## KEMPEN "BANTU. JANGAN MENGHUKUM"

■ "Bantu. Jangan Menghukum" ("Support. Don't Punish") merupakan kempen advokasi global yang menyokong dasar dadah berasaskan bukti saintifik yang mengutamakan kesihatan awam dan hak-hak asasi, termasuk usaha-usaha penggubalan semula dasar dan undang-undang dadah yang menghalang akses kepada program-program pengurangan mudarat.

■ Hari tindakan global kempen "Bantu. Jangan Menghukum" disambut setiap tahun pada 26 Jun sempena Hari Melawan Penyalahgunaan Dan Pengedaran Haram Dadah Antarabangsa. Layari <http://supportdontpunish.org/> dan tweet @SDPcampaign menggunakan #supportdontpunish #bantujanganmenghukum dalam perbualan media sosial.



**KURANGNYA** penerapan unsur-unsur pendidikan, bimbingan serta sokongan moral sewaktu dalam tahanan melemahkan semangat dan juga keupayaan penagih untuk menangani tekanan emosi. - Gambar hiasan

Headline	Bantu, jangan menghukum		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	23 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	37	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	631 cm <sup>2</sup>
Journalist	RABIATUL ADAWIYAH KOH ABDULLAH	AdValue	RM 14,091
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,273



**HAMPIR 100** aktivis, penyokong dan wakil komuniti terlibat dalam kempen "Bantu, Jangan Menghukum" anjuran Majlis AIDS Malaysia dengan sokongan Persatuan Kebajikan Komuniti Ikhlas Malaysia yang diadakan pada 21 Jun lalu.